

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

RMK 356 – Pengurusan Binaan & Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **Soalan 1 dan 2** adalah **WAJIB** dan jawab **DUA** soalan yang lain.

1. Berikut adalah butir-butir kewangan pada 31 Jun 2003 yang tercatat dalam buku catatan pemilik Syarikat KB Bina sejak memulakan perniagaannya 1 Januari 2003.

(a)	Modal Perniagaan	–	RM25,000.00
(b)	Bayaran untuk dokumen tender	–	RM100.00
(c)	Bayar Sewa pejabat (untuk setahun)	–	RM1,200.00
(d)	Kos Insuran-Insuran dan bon	–	RM130.00
(e)	Kos menyediakan pagar, stor dan kabin pekerja	–	RM4,500.00
(f)	Kos kerja cerucuk dan kerja sub-struktur	–	RM15,000.00
(g)	Terima bayaran kemajuan dari JKR	–	RM23,000.00
(h)	Kos kerja dinding dan tiang	–	RM10,000.00
(i)	Kos pemasangan pintu dan tingkap	–	RM5,000.00
(j)	Terima bayaran kemajuan dari JKR	–	RM17,000.00

Saudara yang baru saja dilantik sebagai Pengurus telah diminta untuk menyediakan Kunci-Kira-Kira dan Penyata Pendapatan. Sediakan penyata-penyata tersebut termasuk catatan lejar dan jurnal.

(30 markah)

2. Penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan menunjukkan kegagalan dalam perniagaan mempunyai kaitan yang signifikan dengan masalah modal kerja. Beri huraian anda tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Apakah Modal Kerja?
- (b) Mengapakah ia begitu penting kepada sesebuah perniagaan?
- (c) Apakah prinsip-prinsip asas yang boleh dijadikan panduan dalam menguruskan Modal Kerja supaya risiko kegagalan dapat dikurangkan?

(30 markah)

...2/-

- 2 -

3. Pihak pengurusan dikatakan perlu membuat 3 keputusan berikut dalam konteks menguruskan kewangan sesebuah organisasi perniagaan.
- (a) Keputusan Pembiayaan.
 - (b) Keputusan Pelaburan.
 - (c) Keputusan Dividen.

Beri penjelasan tentang ketiga-tiga fungsi tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.

(20 markah)

4. Dalam perspektif Belanjawan Modal anda telah maklum bahawa terdapat 3 pilihan dalam pelaburan atau penggunaan Aset Jangka Panjang. Aset berkenaan boleh di BELI, di SEWA atau di SEWAPAJAK. Apakah faktor yang akan anda pertimbangkan dalam membuat keputusan tersebut?

(20 markah)

5. Jelaskan 4 dari yang berikut
- (a) Analisis Intra-Firma.
 - (b) Sewapajak.
 - (c) Faktor Akaun Belum Terima.
 - (d) Pembiayaan Melalui Inventori.
 - (e) Paten dan Hakcipta.
 - (f) Aset Semasa Tetap.
 - (g) Nisbah Ujian Asid.

(20 markah)

6. Kesukaran mendapatkan pinjaman merupakan salah satu masalah kritikal bagi sebahagian besar peniaga. Masalah ini tidak terkecuali untuk kontraktor binaan yang rata-rata mempunyai modal pusingan yang kecil. Jelaskan apakah pelbagai sumber pembiayaan lain yang boleh didapati selain dari pinjaman. Pada pandangan anda, masihkah pembiayaan melalui pinjaman diperlukan?

(20 markah)

-ooo00ooo-